

**BAHAGIAN A
(50 MARKAH)**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Makmum Masbuk?
- A Makmum yang sempat membaca Al-Fatihah bersama imam pada rakaat pertama.
 - B Makmum yang sempat membaca Al-Fatihah bersama imam pada semua rakaat.
 - C Makmum yang tidak sempat membaca Al-Fatihah bersama imam pada rakaat yang pertama.
 - D Makmum yang tidak sempat mengikut imam dari awal sehingga akhir solat.

1. Kalau makmum hanya seorang sahaja, hendaklah dia berdiri disebelah kanan imam

2. Kalau para Jemaah itu berdiri dari sebelah saf termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak, maka hendaklah saf pertama terdiri daripada makmum lelaki, saf kedua mestilah kanak-kanak dan saf ketiga makmum perempuan

2. Pernyataan berikut ialah susunan bagi?
- A Imam.
 - B Bilal.
 - C Makmum.
 - D Muazzin

- 1. Seseorang yang qari, iaitu yang baik bacaannya khususnya bacaan Al-Fatihah
- 2. Seorang yang 'alim
- 3. Tuan rumah berbanding tetamu

3. Berikut kategori orang yang layak menjadi?
- A Imam.
 - B Makmum.
 - C Bilal.
 - D Muazzin.

- 4 Apakah yang dimaksudkan dengan Makmum Muafiq
- A Makmum yang sempat membaca Al-Fatihah pada rakaat pertama.
 - B Makmum yang tidak sempat membaca Al-Fatihah pada rakaat pertama.
 - C Makmum yang tidak sempat membaca Al-Fatihah pada semua rakaat.
 - D Makmum yang tidak sempat berjemaah dengan imam dari awal sehingga akhir solat.
- 5 Antara halangan yang diharuskan seseorang untuk tidak berjemaah di masjid adalah seperti berikut **KECUALI**
- A Orang yang sakit.
 - B Luka yang sedikit di tangan.
 - C Hujan yang menghalang perjalanan ke masjid.
 - D Angin yang sangat kuat dan udara yang sangat dingin.

1.Wajib makmum berniat mengikut imam.

2.Makmum tidak boleh mendahului imam dalam semua keadaan, samada dari segi saf, tempat , atau perbuatan.

- 6 Pernyataan di atas merupakan syarat-syarat bagi Solat _____.
- A Wajib
 - B Sunat
 - C Istikhorah
 - D Berjemaah
- 7 Apakah hukum Solat Jumaat bagi lelaki?
- A Sunat.
 - B Fardu 'Ain.
 - C Fardu Kifayah.
 - D Sunat Muakkad.

- 8 Berikut merupakan syarat-syarat wajib Jumaat **KECUALI**
- A Islam
 - B Baligh
 - C Lelaki
 - D Wanita
- 9 Antara perkara makruh dilakukan dalam Solat adalah seperti berikut
- I. Meludah
 - II. Bercekak Pinggang
 - III. Melihat ke kanan dan kiri, atau ke belakang
 - IV. Menahan lapar dan buang air yang sangat mendesak
- A I & II.
 - B I, II & III.
 - C II, III & IV.
 - D Semua di atas.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْجُمُعَةِ رَكْعَتَيْنِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

- 10 Berikut merupakan lafaz niat bagi Solat?
- A Subuh.
 - B Zohor.
 - C Maghrib.
 - D Jumaat.

11 Berikut merupakan perkara yang sunat dilakukan sebelum Solat

- A Bersuci
- B Berwuduk
- C Mandi Wajib
- D Azan Dan Iqamat

12 Apakah hukum Azan?

- A Sunat
- B Wajib
- C Makruh
- D Sunnat Muakkad

13 Berikut merupakan syarat-syarat Wajib Solat **KECUALI**

- A Islam
- B Suci
- C Baligh
- D Tidak berakal

- Sudah masuk waktu Solat
 - Mengadap Kiblat dengan dada dan wajahnya

14 Pernyataan di atas adalah berkenaan dengan

- A Rukun Solat
- B Syarat Sah Solat
- C Syarat Wajib Solat
- D Perkara Makruh ketika Solat

15 Berapakah bilangan Rukun Solat?

- A Sepuluh (10)
- B Sebelas (11)
- C Dua Belas (12)
- D Tiga Belas (13)

16 Berapakan bilangan Rukun Tayammum?

- A Satu (1)
- B Dua (2)
- C Tiga (3)
- D Empat (4)

17 Berikut merupakan perkara-perkara yang membatalkan Solat **KECUALI**

- A Bercakap
- B Makan dan minum
- C Berkata sesuatu di dalam hati
- D Bergerak sebanyak 3 kali berturut-turut

18 Yang manakah di antara yang berikut merupakan Rukun Mandi Wajib?

- I. Niat
- II. Berwuduk
- III. Menghilangkan najis
- IV. Meratakan air ke seluruh anggota badan

- A I & II
- B I, III & IV
- C II, III & IV
- D Semua di atas

19 Apakah yang perlu dilakukan apabila seseorang itu tertinggal membaca tahiyat awal atau Doa Qunut dalam Solat?

- A Sujud.
- B Sujud Sahwi.
- C Sujud Sejadah.
- D Duduk antara 2 sujud.

سُبْحَانَ مَنْ لَا يَنَامُ وَلَا يَسْهُو

“Maha Suci Allah yang tidak tidur dan tidak pula lupa.”

20 Ayat di atas ialah bacaan bagi

- A Sujud.
- B Sujud Sahwi.
- C Sujud Sejadah.
- D Doa antara 2 sujud.

- Sesudah solat Subuh, sehingga terbit matahari.
- Sesudah Solat Asar sehingga terbenam matahari.
- Ketika terbit matahari, sehingga sempurna terbitnya kira-kira tingginya segalah(lebih kurang 5 kaki daripada tempat terbitnya).

21 Penyataan di atas ialah berkenaan dengan?

- A Waktu-waktu yang mustajab Doa.
- B Waktu-waktu yang diharuskan Solat.
- C Waktu-waktu yang disunatkan Solat.
- D Waktu-waktu yang dilarang Solat

- Mestilah berwuduk
- Menghadap kiblat
- Berniat seperti "Sahaja aku sujud syukur kerana Allah
- Takbiratul Ihram – kemudian terus sujud

- 22 Perkara di atas merupakan syarat-syarat untuk melakukan
- A Sujud Sahwi
 - B Sujud Sejadah
 - C Sujud Syukur
 - D Sujud biasa
- 23 Berikut merupakan Rukun Fi'li (Perbuatan) dalam Solat **KECUALI**
- A Niat
 - B Iktidal Dan Tu'maninah
 - C Sujud Dan Tu'maninah
 - D Rukuk Dan Tu'maninah
- 24 _____ merupakan Rukun Qolbi (Hati) dalam Solat.
- A Niat
 - B Membaca Al-Fatihah
 - C Sujud Dan Tu'maninah
 - D Membaca Doa Qunut

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung dan segala puji-pujiannya."

- 25 Ayat di atas merupakan bacaan ketika _____.
- A Iktidal
 - B Rukuk
 - C Sujud
 - D Duduk Di Antara 2 Sujud

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi dan segala puji-pujiannya."

26 Ayat di atas merupakan bacaan ketika _____.

- A Iktidal
- B Rukuk
- C Sujud
- D Duduk Di Antara 2 Sujud

أُصَلِّيَ فَرَضُ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى

27 Berikut merupakan lafaz niat bagi Solat Fardu _____.

- A Subuh
- B Zohor
- C Asar
- D Isyak

28 Apakah hukum Solat Jemaah?

- A Sunat.
- B Fardu 'Ain.
- C Fardu Kifayah.
- D Sunat Muakkad.

29 Berapakah gandaan pahala solat berjemaah berbanding solat bersendirian?

- A Dua Puluh Empat (24) kali ganda.
- B Dua Puluh Lima (25) kali ganda.
- C Dua Puluh Enam (26) kali ganda.
- D Dua Puluh Tujuh (27) kali ganda.

30 Berikut merupakan adab-adab makmum ketika solat **KECUALI**

- A Hendaklah makmum membaca takbiratulihram selepas imam membacanya.
- B Hendaklah makmum mendengar bacaan imam yang dinyaringkan.
- C Hendaklah makmum sujud setelah imam meletakkan dahinya di tempat sujud.
- D Hendaklah mampu memberi ingat kepada imamnya apabila terlupa perbuatan dengan bertakbir ("Allahu Akbar").